


Pelukis muda tempatan harus melihat perspektif lebih luas

UB 21.5.2017 B2



CATATAN KANVAS KOYAK

DR BAHARUDDIN
MOHD ARUS

PADA minggu yang lalu saya membawa seorang sahabat dari Kuala Lumpur berkunjung ke Balai Seni Lukis Sabah terletak di jalan Kijang berdekatan Taman Luyang.

Apabila sampai sahaja di hadapan perkaraangan Balai senilukis Sabah sahabat saya sangat teruja melihat bangunan yang tersergam indah dalam bentuk replika bakul etnik dusun dan Murut yang dikenali sebagai 'Wakid'.

Setelah bergambar berlatar belakang bangunan yang unik itu kami memasuki bangunan tersebut dan disambut dengan beberapa buah arca yang menghiasi ruang lobi galeri. Tidak di sangka kami berpeluang melawat sebuah pameran yang

sedang berlangsung sekarang iaitu Pameran Undangan negeri Sabah kali ke 25, kami tidak melepaskan peluang melihat karya yang di pameran.

Pameran Undangan adalah sebuah pameran jemputan yang tertutup yang menjadi salah satu acara tahunan galeri diadakan setiap tahun sebagai menggalakkan pelukis muda yang berkaliiber dan pelukis veteran mengambil bahagian.

Menurut Informan lebih kurang tiga puluh orang pelukis mengambil bahagian dan lebih dari seratus buah karya seni lukis yang berjaya di pameran. Karya dalam pameran terbahagi kepada empat kategori majoritinya karya beraliran *photo-realisme*, *naturalisme*, *ekspresionisme* dan karya yang menekankan kepada gender dalam media yang berbagai umpamanya lukisan, lakara, catan minyak, akrilik, catan air dan sebagainya.

Ramai tokoh pelukis veteran tempatan yang mengambil bahagian umpamanya Christianne Goonting, Andrian Ho, Awang Fadillah, Charles Mawan dan sebagainya. Mengambil bahagian dalam pameran lukisan ini bukan lah satu perkara yang mudah terutama sekali walaupun karya tidak dipertandingkan namun seseorang pelukis mengambil kira karya yang terbaru dan komited serta membawa transformasi kesan dan konsep karya yang berlainan setiap kali mengambil bahagian.

Sebahagian dari pelukis yang

dalam pameran ini adalah mereka yang sudah biasa mempamerkan karya secara solo ataupun berkumpulan sama ada dalam dan luar negara. Kebanyakan karya yang dihasilkan oleh pelukis mengutarakan hal benda yang menyentuh seni budaya tempatan, serta pemandangan tempatan yang menarik di negeri Sabah sebagai destinasi pelancongan. Kebanyakan pelukis memilih hal benda berkaitan Gunung Kinabalu seperti Andrian Ho, Hassan Majin, Muslim Matajin, Baharudin Mohd Arus, Mohd Puad Bebit, Awang Fadillah, Norsiah, Mastini, Charles Mawan dan sebagainya.

Pendek kata ikon flora dan fauna negeri di bawah bayu ini sentiasa diolah dan digubah menjadikan ia sebagai ikon popular di kalangan pelukis tempatan. Pelukis-pelukis seperti yang disebut di atas menekankan akan keunikan Kinabalu sebagai ikon yang sentiasa dimanipulasikan berdasarkan jatidiri serta perwatakan masyarakat kaum etnik di negeri ini.

Sebagai gunung tertinggi di Asia Tenggara, Kinabalu boleh dilihat di mana sahaja kita berada di negeri Sabah maka banyak simbol serta metafora wujud dikalangan masyarakat tempatan yang diterjemahkan ke dalam karya seni visual seperti karya Baharudin, Charles Mawan, Awg Fadillah dan beberapa orang lagi pelukis

yang mengambil bahagian dalam pameran jemputan ini.

Oleh kerana kedudukan yang strategik ia menggamit pelukis tempatan mengangkatnya sebagai ikon yang sentiasa segar ataupun *evergreen*. Karya Andrian Ho seperti biasa menghasilkan karya seni beraliran *photo-realisme* yang boleh dianggap sangat menarik dan begitu halus sapuan berusnya sehinggakan penonton merasakan mereka benar benar berada di kawasan berhampiran gunung tersebut.

Aliran *photo-realisme* adalah salah satu aliran modern yang popular sekitar tahun 1960an dan 1970an di barat dan teknik melukis gaya *hyper-realisme* adalah menyalin sebaik mungkin menggunakan fotografi, sangat popular dan ramai pengikut di Malaysia kerana imej yang terhasil dari teknik ini sangat menarik peminat tempatan kerana imej yang terbentuk seperti fotografi walaupun di lukis atau dilakar mempesonakan khalayak kerana kemahiran dan keterampilan pelukis yang tinggi dihakimi serta di nilai.

Adrian Ho berjaya menunjukkan bahawa hal benda yang di pilihnya sentiasa boleh di pelbagaikan dan menjadi modal utama dalam sesebuah karya bukan sahaja hal benda yang lebih penting ia juga perlu menekankan sudut elemen seni visual yang tinggi.

Sebuah lagi karya Andrian yang di menarik karya gaya *naturalisme* di mana beliau

menggambarkan sebuah pemandangan hutan tropika yang biasanya (*Mundane*) namun ditangan beliau sebagai seorang pelukis matang beliau dapat menjadikan karya lebih menarik oleh sebab pengolahan serta penelitian yang tinggi.

Karya pelukis lama seperti Christianne Goonting yang beraksi di pentas seni visual tempatan tidak ketinggalan membawakan isu gender yang segar dengan menyentuh kepentingan kaum wanita melalui karya beliau yang membawa perlambangan corak atau *patternisme*. Karya beliau banyak menggunakan motif flora serta warna pastel yang halus sangat rapat dengan cita rasa kewanitaannya. Di samping itu Christianne Goonting juga membawa kesan '*special effect*' dalam karya beliau dengan melukis di atas kanvas yang berlapis bagi menyedarkan khalayak terhadap sifat membayangi, menindih serta, meminggirkan kaum wanita dalam kehidupan moden secara fizikal dan juga mental yang berleluasa berlaku sehingga kini.

Usaha yang di jalankan oleh Balai Seni lukis Sabah patut dipuji namun apa yang kurang di dalam pameran yang juga menjadi cermin perkembangan seni lukis kontemporari tempatan adalah agak menyedihkan pertama kerana tidak ramai peserta yang mengambil bahagian jika dibandingkan bilangan pelukis

yang terdapat di negeri Sabah. Di samping itu juga hanya satu disiplin karya sahaja yang di utarakan sedangkan genre seni visual yang lain tidak kelihatan umpamanya seni arca, seni cetakan, seni instalasi, seni media baru dan seni lakuan (*Performance Art*).

Seolah-olah seni visual tempatan hanya tertumpu pada lukisan sahaja. Ketiadaan disiplin yang di rujuk di atas agak menakutkan jika di lihat dari perkembangan seni semasa dari perspektif kebangsaan dan antara bangsa kerana perkembangan karya hasil seni visual tempatan hanya menekankan kepada cita rasa pelancongan dan menghasilkan '*tourist art*' atau '*airport art yang cliché*'. Walaupun tujuan pameran undangan ini adalah bertujuan berpameran sambil berjual namun ia tidak perlu menekankan kepada cita rasa pelanggan dan kolektor yang rendah dan murahan.

Diharapkan masa akan datang pelukis muda tempatan harus melihat perspektif yang lebih luas dan pihak galeri membuka ruang kepada disiplin seni visual kontemporari yang lebih kepelbagaian agar menampilkan karya seni yang lebih sejagat sifatnya.

PENULIS merupakan Pensyarah Seni Visual, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan di Universiti Malaysia Sabah (UMS).